

**TITAH UCAPAN**  
**DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL**  
**RAJA MUDA PERLIS SEMPENA MAJLIS SANTAPAN MALAM**  
**REGIMENTAL PALAPES UniMAP DI HOTEL EASTIN,**  
**PENANG PADA 1 OKTOBER, JAM 8.30 MALAM**

---

Bismillahirramanirrahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan

Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya juga, maka dapatlah kita bersama-sama pada malam ini.

Mula-mula sekali, Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Muda yang telah berjaya menamatkan latihan dan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam Regimen Askar Wataniah pada 9 Jun 2011 yang lalu.

Hadirin sekalian,

Negara yang merdeka dan berdaulat adalah sebuah negara yang mampu mempertahan dan membangunkan kedaulatannya daripada sebarang ancaman dan anasir baik dari dalam maupun luar. Tanpa keupayaan ini, pembangunan negara akan menjadi tidak menentu, ekonomi negara menjadi tidak stabil dan kesejahteraan rakyat umumnya sudah pasti akan tergugat. Bukan itu sahaja, kita tidak lagi akan dihormati dan peluang untuk ‘dijajah’ lagi mungkin terbuka luas. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, Malaysia kini disegani, disanjung dan dihormati serta

menjadi contoh kepada banyak negara lain. Salah satu sebab utama kesemua ini berlaku ialah kerana Angkatan Tentera kita yang terlatih dan berkeupayaan sebagai benteng kedaulatan negara. Pertahanan yang kental memastikan negara aman, makmur dan sejahtera.

Hadirin sekalian,

Sebagai seorang pegawai Tentera Darat, anda mesti memahami 'Blue Ocean Strategy' yang sedang dilaksanakan bagi menyokong hasrat Kerajaan mencapai Bidang Utama Keberhasilan Negara yang telah ditetapkan. Strategi ini dapat mempelbagaikan keupayaan Tentera Darat untuk membantu pihak berkuasa awam dan Kerajaan dalam bidang serta penugasan tertentu.

Seorang pegawai Tentera Darat mestilah mengetahui dan memahami konsep 'Keselamatan Kolektif' atau 'Collective Security' yang memfokuskan kepada usaha serta kerjasama antara Tentera Darat dan agensi-agensi Kerajaan, serta Bukan Kerajaan bagi menjamin keselamatan negara, iaitu berganding bahu bagi mencapai matlamat bersama.

Pegawai Tentera Darat mesti menjadi 'agen perubahan' atau 'Agent of Change' agar organisasi kita sentiasa profesional dan relevan. Para Pegawai mesti mempunyai pengetahuan serta pengalaman yang meluas untuk terus menjana institusi ketenteraan ke mercu kegemilangan.

Seorang Pegawai Tentera Darat juga mesti 'Berfikiran Besar' atau 'Think Big' dan di luar kotak '(Out of The Box)' supaya dapat menyumbang kepada kecemerlangan organisasi dan keunggulan Kor Pegawai (Officers Corps).

Sebagai seorang Pegawai Tentera Darat, anda harus mengoptimumkan segala pengalaman, kepakaran dan kepercayaan untuk membantu pelanggan kita, iaitu rakyat jelata dalam pelbagai sudut penugasan dan tanggungjawab seharian. Perkhidmatan terhadap pelanggan ini mesti diiktiraf pada sebilang masa dan 'standard' yang dicapai hendaklah sentiasa dikekalkan. Melalui fokus kepada penugasan profesional dan pengiktirafan yang diberi, maka kita akan mewujudkan semangat berbangga dengan profesi (Pride in The Profession) di kalangan kita.

Oleh yang demikian, saya berharap anda akan menjadi seorang anggota tentera yang benar-benar berwibawa, berdedikasi, komited terhadap tugas, amanah yang dipertanggungjawabkan dan disiplin yang tinggi seiring dengan 'ikrar kesatria' perlu disemat dalam sanubari setiap anggota tetap mahupun sukarela.

Hadirin sekalian,

Sesungguhnya, profesion ketenteraan adalah satu-satunya profesion yang amat mulia dan dituntut oleh agama. Profesion yang meletakkan nilai-nilai murni seperti 'Integrity, Courage, Loyalty and Honour' ditempat yang paling tinggi dalam pembentukan watak-watak pemimpin dan anggota tentera secara keseluruhannya. Persoalan di sini ialah, adakah berbaloi kerajaan Malaysia membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk melahirkan

seorang pegawai tentera yang mahir, cekap dan terlatih tamat begitu sahaja apabila ditauliahkan. Saya tinggal persoalan ini di minda saudara-saudari untuk menghalusi dan memikirkannya.

Akhir titah, ingin Saya menyeru kepada semua supaya tugas dan tanggungjawab diutamakan. Aspek kejujuran merupakan amalan penting dalam melaksanakan tugas di samping semangat kesetiaan hendaklah dipupuk dan diterapkan sesama kita pada sebilang masa. Saya juga menyarankan supaya sikap senantiasa berwaspada menjadi iktikad semua yang merupakan nadi kepada kejayaan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima kasih.